



# CUEPACS Sarawak cadang penjawat awam dibenarkan bekerja dari rumah

⌚ 2021-08-23T14:17:01+08:00



SIBU: Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Perkhidmatan Awam (CUEPACS) Negeri Sarawak (CNS) mencadangkan agar penjawat awam, selain petugas barisan hadapan, dibenarkan bekerja dari rumah (BDR).

Mencadangkan perkara itu, pengurusnya Omar Bahrein Unin (**gambar**) berkata, ini memandangkan situasi semasa penularan pandemik COVID-19 di Sarawak sejak beberapa minggu lepas khususnya di Zon Selatan.

"Kita dimaklumkan bahawa terdapat banyak jabatan-jabatan kerajaan ditutup secara sementara bagi tempoh tiga hari hingga dua minggu bagi mengelak penularan yang lebih luas.

"Sama ada pejabat tersebut ditutup kerana tujuan sanitasi atau terdapat anggota positif COVID-19 atau anggota dikuarantin di pejabat," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Sehubungan itu, CNS berharap pihak kerajaan mempertimbangkan cadangan tersebut untuk keselamatan para penjawat awam.

"Kita berharap kerajaan dapat mempertimbang penjawat awam dapat dibenar BDR bagi tempoh tertentu melalui Ketua Jabatan masing-masing," katanya.

Jelas Omar, kaedah BDR dilihat sebagai langkah proaktif membendung penularan wabak COVID-19 khususnya di tempat kerja.

Katanya lagi, langkah ini juga dapat mengurangkan pendedahan atau risiko kepada penjawat awam dan orang ramai kerana individu yang dijangkiti sukar untuk dikesan dengan melihat sahaja.

"Ketua Jabatan boleh menilai risiko pekerjaan di pejabat masing-masing bagi mempertimbang BDR kepada anggota mereka.

"CNS berharap faktor kesihatan dan keselamatan pekerja perlu diambil berat lebih-lebih lagi dalam keadaan penularan wabak merbahaya yang tidak nampak ini," katanya.

Bagi penjawat awam yang dibenarkan BDR, katanya, mereka perlu mematuhi garis panduan (SOP) yang dikeluarkan kerajaan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan tidak terjejas atau tidak mengikut kehendak pemegang taruh atau rakyat.

"Penjawat awam harus memahami apakah tujuan BDR dibenarkan kerana untuk kesihatan dan keselamatan diri, keluarga dan masyarakat secara umumnya," tambahnya.

 oleh Borhaniza Ali Basah

Kategori [Sarawak](#)